

PM ulas pengekalan sistem GSP

Hak pekerja tetap terjamin

BN 18 AUG 1990

(R)
SEREMBAN, Jumaat — Kejayaan wakil kerajaan menjelaskan kepada Amerika Syarikat bahawa hak pekerja di negara ini sentiasa terjamin adalah antara faktor yang menyebabkan Presiden George Bush mengekalkan Sistem Keutamaan Am (GSP) kepada Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pelabur AS di negara ini juga memainkan tugas penting dalam mempengaruhi keputusan kerajaan Amerika itu.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada kerajaan AS kerana membuat pertimbangan secara adil dalam mengekalkan GSP kepada negara ini, Perdana Menteri berkata:

"Ini menyelamatkan pekerja kita daripada menghadapi masalah diberhentikan kerja. Dengan itu juga, kita tidak perlu mencari pekerjaan lain kepada mereka bagi mengelakkan pengangguran yang mungkin berlaku."

Beliau berkata, pekerja mesti menggunakan hak mereka dengan betul dan tuduhan bahawa kerajaan tidak membenarkan mogok adalah salah sama sekali.

"Pekerja bebas mogok tetapi kalau keputusannya buruk kepada mereka, jangan salahkan kerajaan," katanya dalam sidang akhbar selepas menemui pekerja Barisan Nasional (BN) Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata,

kerajaan tidak bercadang hendak memperkenalkan undang-undang baru bagi menyekat pemimpin kesatuan sekerja daripada terus membuat pelbagai tuduhan.

"Kita akan terus memberi penjelasan kepada pekerja mengenai sikap sesetengah pemimpin kesatuan sekerja yang lebih suka melihat rakyat menganggur.

"Mereka ini diseludup masuk ke dalam kesatuan sekerja untuk memenuhi kepentingan politik mereka," katanya.

Mengulas laporan berhubung kedudukan Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof Syed Hussein Al-Attas, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Perkhidmatannya tidak ditamatkan. Bagaimanapun, kalau beliau betul-betul hendak berhenti kita tidak akan menghalang.

"Setakat ini, kita tidak menyuruh beliau berhenti berkhidmat sebagai Naib Canselor UM," katanya.

Mengenai utusan Raja Saudi yang menemui Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah untuk meminta bantuan tentera, Perdana Menteri berkata, Kabinet akan menimbang perkara itu.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan belum menerima laporan pertemuan itu.

"Setakat ini kita tidak ada pendirian yang tertentu mengenai permohonan Arab Saudi itu," katanya.